

73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
KAWASAN : LABUAN
TARIKH JAWAB : 9 NOVEMBER 2017
NO. SOALAN : 33

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] meminta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-

- a) Apakah rangka kerja strategik Kementerian dalam mempertingkatkan keupayaan Malaysia sebagai pelopor industri hab halal; dan
- b) Apakah langkah proaktif Kementerian dalam memastikan penjenamaan, harga dan keberkesanan strategi pengeluaran produk halal Malaysia tidak dianggap produk pilihan kedua?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Halal Industry Development Corporation (HDC) dengan sokongan MATRADE, SME Corp dan MIDA akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek berpandukan pelan induk industri halal menjelang tahun 2020 dengan dua objektif utama iaitu:

- (i) menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan halal dunia; dan
- (ii) menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang inovasi, pembuatan dan perdagangan halal.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), pelan pembangunan berkaitan industri halal telah diberi penekanan khusus melalui Teras ke-6 iaitu 'merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran'. Pelaksanaannya akan dibuat berpandukan strategi untuk 'mentransformasikan sektor perkhidmatan' berdasarkan 5 hala tuju berikut:

- (i) menambah baik tadbir urus sektoral;
- (ii) memperkukuhkan integriti halal Malaysia;
- (iii) meningkatkan nilai eksport halal;
- (iv) menghubungkan Malaysia dengan rangkaian bekalan halal serantau; dan
- (v) meningkatkan bilangan pakar berkaitan industri halal.

75

Dalam tempoh RMK-11, Kerajaan telah menyasarkan pembangunan industri halal melalui beberapa langkah utama, antaranya termasuklah:

- (i) peningkatan keluaran dalam negara kasar (KDNK) daripada 6% (2015) kepada 8.7% (2020);
- (ii) peningkatan jumlah syarikat tempatan yang mampu menembusi pasaran antarabangsa (eksport) daripada 800 buah syarikat (2015) kepada 1,600 buah (2020);
- (iii) peningkatan nilai eksport produk halal daripada 30% pada tahun 2015 kepada 50% pada tahun 2020; dan
- (iv) peningkatan peluang pekerjaan dalam industri halal daripada 248,000 pada tahun 2015 kepada 330,000 pada tahun 2020.

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga Disember 2016, MITI melalui HDC telah melaksanakan program *Halal Business Transformation* (HBT) yang melibatkan sejumlah 531 buah syarikat. Program ini bertujuan mambantu dan menyediakan syarikat bagi mendapatkan pensijilan halal, meningkatkan keupayaan dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di bawah program ini adalah:

(i) Mudahcara Pensijilan Halal

Aktiviti ini dilaksanakan bagi membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada syarikat mengenai proses dan prosedur mendapatkan pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seperti proses saringan awal, latihan halal, pre-audit untuk pensijilan halal, bengkel penyediaan dan permohonan pensijilan halal secara atas talian.

(ii) Peningkatan Kadar Keupayaan Perusahaan Halal

Aktiviti ini bertujuan meningkatkan keupayaan pemasaran sesebuah syarikat di pasaran domestik dan antarabangsa, termasuk aktiviti padanan perniagaan. Aktiviti ini turut melibatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat *hypermarket* seperti Tesco, Giant, Jusco, Mydin dan The Store sebagai rakan strategik.

(iii) *Mentoring*

Objektif aktiviti ini adalah untuk memberi bimbingan mengenai pembangunan keupayaan serta piawaian antarabangsa kepada syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui kolaborasi dengan syarikat-syarikat *Multi-National Companies* (MNC) terpilih. Antara syarikat MNC yang terlibat adalah Nestle Malaysia Berhad dan Perfect Food Manufacturing Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.